

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 MAY 2016

termasuk 24,000 unit lagi akan diluluskan bulan depan

Sasaran 100,000 PPA1M hampir dicapai - PM

UM - 27/5/2016

Oleh AZMAN IBRAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 MEI

SASARAN kerajaan untuk membina 100,00 unit rumah di bawah projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) menjelang 2018 semakin hampir dicapai apabila beberapa projek PPA1M akan dilancarkan pada Jun ini termasuk PPA1M@Metropolitan Kepong hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sehingga Mei lalu, sebanyak 82,012 unit PPA1M telah diluluskan yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Pada bulan depan pula, kata beliau, sebanyak 24,000 unit PPA1M lagi akan dilulus dan dilaksanakan di seluruh negara.

"PPA1M@Metropolitan Kepong yang dibina di kawasan seluas 3.28 hektar dan dijangka siap pada 2018 dan mempunyai sebanyak 1,230 unit melengkapkan lagi sasaran tersebut.

"Ini bukti komitmen kerajaan yang dapat kita tepati dan tunai. Setakat ini, sebanyak 148 projek PPA1M telah dilulus dan dilaksanakan di seluruh negara. Projek-projek seperti ini merupakan keutamaan tertinggi dalam memenuhi aspirasi kerajaan," katanya sewaktu berucap dalam Majlis Pelancaran PPA1M@Metropolitan Kepong di sini hari ini.

Projek yang dimajukan JL99 Holdings Sdn. Bhd. itu mempunyai dua blok bangunan dengan 1,230 unit kediaman dan empat jenis keluasan bermula 78.9 meter persegi



NAJIB TUN RAZAK melihat model Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di Taman Metropolitan, Kepong selepas pelancarannya di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir Tengku Adnan Mansor, Dr. Ali Hamsa dan Pengerusi Eksekutif JL99 Holdings Sdn. Bhd., Datuk Seri Jeff B.K Lee (tiga dari kanan). - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

sehingga 139.35 meter persegi.

Harga bagi setiap unit PPA1M@Metropolitan Kepong yang ditawarkan bermula dari RM90,000 sehingga RM300,000 iaitu 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran semasa.

Yang turut hadir pada majlis ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri

Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz.

Kata Perdana Menteri, PPA1M dikhaskan untuk penjawat awam sama ada yang bekerja dengan kerajaan Pusat atau kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan serta badan berkanun atau bukan badan berkanun.

"Projek perumahan mampu milik termasuk PPA1M sememangnya dekat di hati saya. Projek ini bertujuan mengurangkan risiko hutang penjawat awam dalam memiliki rumah," ujarnya.

Tambah Najib, PPA1M boleh disesuaikan kaedah pelaksanaannya meliputi konsep bina dan jual iaitu para pembeli hanya perlu membayar 10 peratus deposit sewaktu menandatangani perjanjian jual beli dan baki 90 peratus hanya perlu dibayar selepas projek itu siap.

"Andai projek itu tergendala, risiko pada pembeli adalah sangat kurang. Konsep itu amat baik dan mampu dilaksanakan oleh pema-ju-pemaju swasta," jelasnya.